121

UUM Lantik Pendaftar Dan Ketua Pustakawan Baru
Unit Komunikasi Korporat
Telah Dihantar:24 April 2011 14:37
Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students
24 APRIL 2011/20 JAMADILAWAL 1432H
==========
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hasniza Mustafa
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM LANTIK PENDAFTAR DAN KETUA PUSTAKAWAN BARU

UUM ONLINE: "Elemen penyampaian berkesan, menguasai kemahiran secara berterusan dan pendedahan yang meluas bagi menguasai ilmu baru perlu dimiliki oleh Pendaftar dan Ketua Pustakawan yang baru," kata Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Beliau berkata, Pendaftar dan Ketua Pustakawan juga mesti taat setia kepada organisasi serta mempunyai daya kepimpinan yang tinggi sebagai pentadbir di samping meletakkan Universiti sebagai keutamaan dalam semua urusan.

Katanya, jawatan sebagai Pendaftar adalah sangat tinggi dalam urusan pentadbiran dan tanggungjawabnya agak berat kerana ia bukan sahaja berkhidmat terus kepada Naib Canselor tetapi juga kepada ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Senat, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan warga universiti.

Beliau berkata, Pendaftar bukan sahaja bertanggungjawab menyediakan tenaga kerja universiti yang mencukupi, malah memastikan setiap urusan pentadbiran berjalan lancar.

"Jangan pandang rendah kepada tugas pentadbiran universiti, kerana tanpa mereka segala urusan universiti tidak akan berjalan lancar.

"Oleh itu, peranan seorang Pendaftar mesti lebih berkesan dalam menyampaikan sistem tadbir urus, mempunyai, kemahiran berterusan serta perlukan kepada pendedahan untuk mentadbir universiti," katanya.

Bagi jawatan Ketua Pustakawan pula, ia sangat penting dalam mengawal khazanah ilmu kerana sesebuah universiti itu tidak akan menjadi hebat jika perpustakaan tidak mempunyai rujukan yang hebat.